

Curi tiga tin susu formula, lelaki dipenjara dua bulan

KUCHING: Seorang lelaki berusia 24 tahun dipenjara dua bulan oleh Mahkamah Majistret semalam selepas mengaku bersalah mencuri tiga tin susu formula disebuah farmasi di Tabuan Jaya di sini, sehingga mengakibatkan kerugian RM307.50.

Majistret Ling Hui Chuan mengarahkan hukuman penjara bagi EreK Beckem Diondolly yang dituduh mengikut Seksyen 380 Kanun Keseksamaan itu untuk dikuatkuasakan mulai semalam.

Kesalahan ini memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 10 tahun dan boleh didenda, sementara bagi kesalahan kedua, boleh dikenakan denda atau sebatan, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan, EreK didakwa melakukan kesalahan itu sekitar jam 3.53 petang pada 6 November 2023 di sebuah farmasi di Tabuan Jaya di sini.

Fakta kes mendedahkan pengadu iaitu pengurus farmasi tersebut dimaklumkan oleh pekerjaanya bahawa salah seorang pelanggan telah mencuri barang dengan cara menyembunyikannya di dalam baju.

Pengadu cuba menahan lelaki tersebut, namun gagal

susulan dia berjaya melarikan diri.

Laporan polis dibuat dan hasil siasatan kemudiannya membawa kepada penangkapan EreK.

Difahamkan, terdapat rakaman kamera litar tertutup (CCTV) menunjukkan EreK melarikan diri dari tempat kejadian, selain terdapat seorang saksi mata yang melihat kejadian tersebut.

Di Mahkamah Majistret berasingan, EreK turut dijatuhi hukuman penjara 14 bulan selepas mengaku bersalah melakukan pecah rumah dengan niat untuk mencuri pelbagai barangan termasuk jam tangan, beberapa beg berjenama mewah, wang tunai RM7,000, kasut serta telefon pintar.

Majistret Nursyaheeqa Nazwa Radzali memerintahkan hukuman penjara tersebut dikuatkuasakan mulai semalam.

Bagi kes itu, EreK didakwa mengikut Seksyen 457 Kanun Keseksamaan yang membawa hukuman penjara sehingga 14 tahun dan boleh didenda, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan keterangan kes, semasa pengadu lelaki sampai di rumahnya di Jalan Stampin

Baru SHM Garden 15 pada 24 Februari 2025 sekitar jam 2 pagi, dia mendapati semua tingkap telah terbuka dengan barangan berselerak.

Pengadu seterusnya memeriksa rakaman kamera litar tertutup (CCTV) dan mendapati terdapat seorang lelaki telah masuk ke dalam rumah menerusi tingkap di bahagian tandas.

Sehubungan itu, laporan polis dibuat dan hasil siasatan membawa kepada penangkapan EreK.

Siasatan lanjut polis seterusnya mendapati terdapat rakaman CCTV yang menunjukkan tertuduh melakukan kesalahan tersebut, manakala perbandingan imej daripada rakaman itu juga dikenal pasti dan diakui oleh EreK.

Selain itu, analisis rekod sistem pangkalan data cap jari penjenayah serta perbandingan cap jari yang ditemui di lokasi kejadian pecah rumah mendapati cap jari tersebut sepadan dengan milik EreK.

Pendakwaan dilakukan secara berasingan oleh Timbalan Pendakwa (DPP) Raya Ahmad Fauzuluthi Suriani dan DPP Muhammad Afiq Safty Nor Kazly sementara EreK tidak diwakili peguam.